

21/03/2003

PM umum pakej baru rangsangan ekonomi bulan depan

KERAJAAN sedang menggubal satu pakej baru rangsangan ekonomi bagi menjana pertumbuhan negara dalam jangka panjang dan sederhana yang akan diumumkan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, April ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata pakej baru ekonomi itu lebih bertumpu kepada usaha perubahan struktur dan institusi dalam ekonomi bagi meningkatkan tahap produktiviti serta kecekapan serta daya saing negara.

Beliau berkata, antara langkah yang sedang dan akan diambil termasuk usaha untuk meningkatkan daya saing negara, menggalakkan lagi pelaburan domestik, mempertingkatkan kecekapan dan mempromosi sumber baru.

Katanya, pakej rangsangan fiskal yang berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan Mac dan September 2001, bertujuan menangani kelembapan ekonomi dunia terutama Amerika Syarikat pada masa itu.

"Pakej rangsangan itu membolehkan Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.4 peratus pada 2001 dan berjaya mengelak daripada mengalami kemeleketan tidak seperti beberapa negara di rantau ini," katanya ketika menggulung perbahasan titah Yang di-Pertuan Agong bagi Kementerian Kewangan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau yang menjawab soalan asal Ahli Parlimen Kemaman (Keadilan), Abdul

Rahman Yusof, yang mempersoalkan keberkesanan pakej itu, berkata pakej rangsangan fiskal yang dilaksanakan berupaya membantu dengan berkesan meningkatkan perbelanjaan permintaan dan kegiatan ekonomi dalam negeri.

Shafie berkata, ekonomi dunia masih dirundung ketidaktentuan yang berterusan terutama dengan berlakunya serangan Amerika ke atas Iraq ketika ini.

"Jika peperangan berlaku ia akan menggugat aliran perdagangan, terutama

di Asia Barat dan meningkatkan lagi harga minyak, akibatnya proses pemulihan ekonomi dunia akan terbantut dan sudah tentu akan memberi kesan

yang negatif kepada ekonomi dunia dan negara," katanya.

Beliau berkata, sebagai kerajaan yang proaktif, responsif dan pragmatik

adalah menjadi agenda utama kerajaan untuk terus berusaha mengurangkan kesan risiko persekitaran luar ekonomi negara.

Sementara itu, menjawab soalan asal Ahli Parlimen Marang (Pas), Datuk Seri Abdul Hadi Awang berhubung jumlah pengurangan cukai import kereta yang terbabit dalam persidangan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), Shafie

berkata, tidak ada pengurangan cukai import diberikan kepada syarikat kereta yang memberi pinjam kereta untuk digunakan pada persidangan itu.

Beliau berkata, kadar cukai yang dikenakan ke atas kereta import adalah

antara 140 peratus hingga 300 peratus mengikut kapasiti enjin kereta

berkenaan dan kadar cukai jalan sebanyak 10 peratus.

"Hanya nilai kereta itu lebih rendah selepas persidangan, sebaliknya kerajaan dan rakyat mendapat faedah daripada Persidangan NAM melalui kemasukan pelancong asing dan liputan ke seluruh dunia yang berjaya menaikkan imej Malaysia," katanya.

Shafie berkata, anggaran perbelanjaan mengadakan persidangan NAM berjumlah RM90.4 juta termasuk belanja sebanyak RM1.3 juta untuk menampung perbelanjaan seperti tiket perjalanan 15 delegasi asing dari negara kurang maju.

Beliau berkata, selain itu, kerajaan tidak berbelanja untuk membaik pulih Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tempat persidangan berlangsung dan kerajaan hanya membayar kos sewa kepada PWTC.